



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) TINGKAT HASIL PADI DAN PENDAPATAN PETANI PERKUKUH SEKURITI MAKANAN NEGARA

KOTA BELUD, 12 JUN 2022 – Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Sabah hari ini.

Kawasan sawah terbiar seluas 45 hektar di daerah Kota Belud melibatkan 40 orang pesawah akan dibangunkan melalui inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB), dan dijangka akan meningkatkan pendapatan pesawah melalui kerjasama strategik awam-swasta bersama Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Dr Ronald berkata program SMART SBB yang dirangka khusus sebagai hala tuju baharu subsektor padi dan beras negara untuk meningkatkan produktiviti dalam mencapai Tahap Sara Diri (SSL) beras 75 peratus sebagaimana yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sekaligus mengurangkan kebergantungan import.

‘Saya yakin kolaborasi strategik antara MAFI dengan syarikat-syarikat peneraju akan menjadi titik permulaan kepada perubahan landskap industri padi dan beras tempatan,’ jelas beliau.

Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM68.97 juta kepada Sabah bagi tahun 2022 menerusi 3 program subsidi input dan 1 program subsidi output. Peruntukan ini dijangka akan memberikan manfaat kepada 45,016 orang pesawah termasuk pesawah padi bukit.

Pada majlis yang sama, Dr Ronald juga turut menyempurnakan simbolik majlis pecah tanah bagi pembinaan Kompleks IADA (Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu) yang akan menjadi satu mercu tanda kepada pembangunan industri padi dan beras di negeri Sabah.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkasa peranan IADA dan membantu pembangunan subsektor padi di daerah Kota Belud, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM36 juta untuk kompleks ini dan dijangka akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Kompleks IADA ini dijangka akan menyumbang kepada pembangunan kawasan yang lebih holistik dan cekap. Kompleks ini juga akan menjadi pusat latihan kepada pesawah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan industri padi, bengkel jentera pertanian, makmal analisis pertanian dan lain-lain.

Kerajaan juga sedang giat membangunkan sistem pengairan dan saluran Kota Belud yang melibatkan kos sebanyak RM410.39 juta untuk mengatasi masalah air. Projek pembangunan ini merangkumi 17 projek pembangunan dan melibatkan kerja-kerja naik taraf sistem pengairan dan saluran, pembinaan tali air utama, pembinaan jalan ladang dan infrastruktur lain yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Seluas 5000 hektar kawasan penanaman padi sebanyak dua kali setahun akan dapat dilaksanakan apabila ianya siap kelak.

“Pembangunan infrastruktur ini tentu sekali akan memberi manfaat kepada pesawah dari segi peningkatan hasil dan pendapatan sekaligus menyumbang kepada peningkatan SSL Negeri Sabah kepada 60 peratus,” ujar beliau.

Dalam perkembangan lain, MAFI juga bercadang untuk mengoptimumkan penggunaan sumber tanah di Sabah dan Sarawak dengan sasaran pembukaan kawasan jelapang baharu seluas 200,000 hektar di kedua-dua buah negeri melalui kerjasama Kerajaan Negeri masing-masing dengan anggaran pengeluaran hasil padi sebanyak 1.2 juta tan metrik setahun.

MAFI dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah sentiasa berusaha untuk membawa pelbagai pembangunan dan kemajuan kepada industri padi dan beras Sabah sekaligus membantu pesawah dalam meningkatkan hasil dan pendapatan melalui program dan pendekatan bagi memastikan bekalan sekuriti makanan terjamin dan mencukupi sepanjang masa.

Dr Ronald turut menyerahkan mock cheque Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bernilai sebanyak RM71,411.88 kepada wakil penerima daripada Kumpulan Pengguna Air Kampung Tempasuk 2, iaitu Encik Lejimin Gindal yang mewakili 91 orang pesawah yang terkesan akibat bencana banjir pada tahun 2021.

Turut disampaikan adalah mock key Pam Air kepada Kumpulan Pengguna Air (KPA) bagi sebelas (11) kawasan yang diwakili oleh Encik Amran@Harman Sibin dari KPA Kampung Labuan dan jentera mini pembajak dan penuai kepada kepada tiga buah kampung yang diwakili oleh Encik Yipin Yaga.

Turut hadir YB Hendrus Anding, Pembantu Menteri (II) Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri Sabah, YBrs. Tuan Jifrin Haji Mohamad, Pengarah Jabatan Pertanian Sabah, YBrs. Encik Azman Bin Mahmood, Setiausaha Bahagian Bahagian Pembangunan Industri Padi MAFI, YBrs. Encik Abdul Wahab Bin Sidek, Penolong Pegawai Daerah Kota Belud, YBrs. Encik Mohamad Radzi Bin Abdul Talib, Pengarah Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian, YBhg. Dato’ Dr. Norlizan Bin Mohd Noor, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan YBrs. Tuan Yusoff bin Othman, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
12 JUN 2022